

Majlis KONVOKASI



IBU dan kakak Muhamad Haziq banyak memberi kata-kata semangat supaya dia kekal fokus dalam pelajaran.

WALAUPUN tidak sihat dan perlu berkerusi roda, bapa Muhamad Haziq tetap datang untuk meraikan hari istimewa anaknya yang memperoleh Pingat Emas Yayasan Pak Rashid.



Muhamad Haziq mahu bergelar penyelidik serangga

A PALAH ertinya bergelar seorang pelajar jika tiada pengorbanan di sebaliknya. Namun, pengorbanan bagi setiap orang itu berbeza-beza, ada yang berjaya mengharunginya dan tidak kurang juga yang terkandas di tengah jalan.

Bagi Muhamad Haziq Hadif Zulkefli, 23, pengorbanan yang dilaluinya dianggap sebagai satu ujian sebelum memperoleh kejayaan.

Ibarat kata pepatah, kadangkala Allah sembunyikan matahari, Dia datangkan hujan dan petir. Kita tertanya-tanya ke mana hilangnya matahari, rupa-rupanya Allah mahu hadiahkan pelangi.

Itulah yang digambarkan Muhamad Haziq, pelajar yang menerima anugerah khas Pingat Emas Yayasan Pak Rashid pada Majlis Konvokesyen Universiti Putra Malaysia (UPM) ke-42 baru-baru ini.

Anugerah itu diberi berdasarkan penilaian pencapaian akademik dan kokurikulum pelajar.

Anak kelahiran Muar, Johor itu berkata, kejayaannya pada hari ini berpaksikan pengorbanan dan restu kedua orang tua.

Ikuti temu bual *Kosmo!* bersama Muhamad Haziq bagi mencungkil kejayaannya dalam pelajaran dan mengetahui rahsia pengorbanan yang dilalui remaja itu.

3 Apakah cabaran dan pengorbanan yang perlu ditempuhi sebelum berjaya seperti hari ini?

Cabarannya adalah masa. Saya perlu bijak menguruskan masa antara belajar dan menjaga ayah yang sakit strok.

Semuanya berlaku pada tahun kedua saya di universiti. Ketika itu, ayah sudah bersara dan pulang menetap di sini.

Daripada tinggal di kolej, saya perlu keluar untuk tinggal di rumah bagi menjaga ayah. Pada waktu siang apabila saya mempunyai kelas, saya akan meminta bantuan pakek untuk menjaga ayah manakala pada hujung minggu pula saya akan bergilir-gilir dengan kakak.

Ketika itu, kakak belajar di Universiti Teknologi Malaysia, Johor dan ibu pula masih bekerja di Sabah. Jadi, hanya saya yang ada di sini untuk menjaga ayah.

Pada waktu lapang, saya banyak menghabiskan masa di rumah. Jarang saya dapat keluar dengan rakan-rakan.

4 Bagaimanakah anda boleh berjaya walaupun terpaksa tempuhi pelbagai halangan?

Berkat restu ibu. Dia adalah tulang belakang saya selepas ayah sakit. Walaupun dia berada jauh di Sabah, dia sentiasa menelefon saya.

Dia sering memberi nasihat agar saya tidak berputus asa dan berfikiran positif. Ibu sudah cukup banyak berkorban, dia kini dalam permohonan mendapatkan pertukaran balik ke Semenanjung.

Selain itu, jangan anggap menjaga ibu dan bapa yang sakit sebagai bebanan. Ia sebenarnya tanggungjawab anak-anak. Lalui segala dugaan dengan tenang dan saya sentiasa memohon doa agar segala urusan saya dipermudahkan.

LIMA soalan



SEJAK kecil lagi Muhamad Haziq sudah tertarik untuk mendalami ilmu berkaitan bidang serangga.

1 Boleh ceritakan sedikit mengenai latar belakang anda?

Nama saya Muhamad Haziq Hadif Zulkefli dan merupakan anak bongsu daripada dua adik-beradik. Saya mempunyai seorang kakak, Norliyana Farzana Zulkefli, 25, yang kini sedang mengikuti pengajian Doktor Falsafah dalam bidang Kejuruteraan Alam Sekitar di UPM. Kami dibesarkan di Sabah kerana mengikut ayah dan ibu yang berkhidmat di sana.

Ibu saya, Ruhaya Naaim, 53, merupakan Penolong Kanan Pentadbiran di Sekolah Menengah Kebangsaan Agaseh, Lahad Datu, Sabah manakala bapa pula, Zulkefli Masijan, 55, adalah pesara Lembaga Minyak Sawit Malaysia.

Saya pula merupakan graduan Ijazah Sarjana Muda Sains Pertanian dan kini sedang menyambung pelajaran di peringkat Ijazah Entomologi di universiti sama.

Hobi saya membaca. Pada waktu lapang, saya banyak menghabiskan masa dengan menjaga ayah yang sedang sakit.

SIJIL anugerah Pingat Emas Yayasan Pak Rashid yang dimiliki Muhamad Haziq.

2 Mengapa anda memilih bidang entomologi?

Saya amat meminati bidang berkaitan serangga sejak kecil lagi. Minat ini didorong ayah yang ketika itu berkhidmat sebagai Penyelidik Kanan di Lembaga Minyak Sawit Malaysia di Sabah.

Sejak kecil, ayah sering membawa saya ke makmalnya. Saya sering melihat ayah melakukan kajian-kajian terhadap pelbagai serangga pertanian.

Sambil ayah bekerja, dia juga menyambung pengajian sarjana dalam bidang entomologi di Universiti Malaysia Sabah.

Mungkin dari situ saya sudah terbiasa dengan persekitaran kerja-kerja ayah sehingga menimbulkan minat untuk jadi sepertinya.

Cita-cita saya mahu bergelar Doktor Falsafah dalam bidang penyelidikan serangga. Doakan saya.

5 Apakah nasihat anda kepada belia di luar sana yang ingin berjaya seperti anda?

Fokus. Sentiasa memberi tumpuan semasa belajar. Ambil peluang dan masa yang ada untuk mengulangkaji pelajaran.

Selain itu, sentiasa kepada ibu dan bapa untuk memohon mendoakan kejayaan kita. Doa mereka sangat penting.

Saya doakan semua pelajar di luar sana mendapat kejayaan yang cemerlang dalam hidup.